



## **Kenyataan Media**

**CYBERJAYA**

**20 Oktober 2020**

### **MCMC DAN PIHAK INDUSTRI SENTIASA PRIHATIN KEPERLUAN RAKYAT**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama-sama dengan syarikat telekomunikasi utama negara telah pun mengambil beberapa pendekatan proaktif, bagi memastikan rakyat Malaysia terus berpeluang menikmati perkhidmatan Internet, sekalipun beberapa tempat diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) susulan penularan COVID-19.

Dalam konteks ini, penawaran Internet secara percuma sebanyak 1GB setiap hari di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 lalu masih diteruskan oleh syarikat telekomunikasi negara iaitu Celcom, Digi, Maxis, U Mobile dan Telekom Malaysia (TM) sehingga 31 Disember 2020. Ini bermakna, rakyat akan dapat terus menikmati perkhidmatan Internet percuma yang ditawarkan dengan syarat kad SIM mereka adalah aktif dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembelian atau tarikh tambah nilai terakhir tertakluk kepada syarat khas setiap penyedia perkhidmatan. Mereka boleh menggunakan Internet percuma untuk aktiviti pendidikan, persidangan video, mahupun perkhidmatan berkaitan maklumat.

Begitu juga dengan pemberian percuma kad SIM oleh penyedia perkhidmatan YES sebanyak 40GB data kepada semua ibu bapa dan pelajar di sekolah kerajaan, pelajar dan ahli fakulti institusi pengajian tinggi bagi menikmati inisiatif 'Learn from Home.' Penyediaan kapasiti gentian tambahan oleh TM dan TIME bagi menampung penggunaan Internet yang semakin meningkat juga dilaksanakan.

Selain itu, pihak industri turut menyediakan sumber-sumber pembelajaran dalam talian secara percuma kepada rakyat termasuk kursus-kursus e-pembelajaran dari pelbagai platform. Di bawah inisiatif itu, mereka akan menikmati akses kepada aplikasi-aplikasi seperti platform mesyuarat dalam talian dan peralatan produktiviti.

Pihak syarikat-syarikat telekomunikasi turut tampil dengan tambahan pakej Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) mereka seperti berikut:

No.	Penyedia Perkhidmatan	Bantuan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
1.	Celcom	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Celcom turut bekerjasama rapat dengan <i>Malaysian Relief Agency</i> (MRA) untuk menyalurkan bantuan-bantuan seperti bekalan makanan kepada golongan B40 yang menetap di kawasan yang terkesan teruk akibat COVID-19 di Sabah.</li> </ul>
2.	Digi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pakej JENDELA Belia Sabah yang merangkumi produk seperti Digi Prepaid NEXT yang menawarkan akses Internet tanpa had dan panggilan kepada semua rangkaian dengan harga serendah RM35 sebulan atau RM12 seminggu.</li> <li>▪ Sokongan juga diaktifkan untuk semua pelanggan di Sabah dan daerah lain yang diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) agar mereka mendapat akses perkhidmatan sepanjang masa.</li> <li>▪ Digi menyediakan sokongan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam bentuk sumbangan sebanyak RM1 juta kepada dana bantuan COVID-19.</li> <li>▪ Menyumbang dalam bentuk tunai kepada <i>GLC Disaster Relief Fund Network</i> (GDRN), yang diterajui oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah</li> </ul>

		Khazanah Nasional Berhad.
3.	Maxis	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Maxis telah menjanjikan hasil dari mendengar dan berkongsi video muzik 'Make It Through' di bawah kempen #kitasapotkita, disalurkan ke Yayasan Kebajikan Negara (YKN) untuk membantu mereka yang terjejas akibat COVID-19.</li> <li>▪ Bekerjasama dengan YKN yang mana sumbangan tersebut akan disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sabah untuk mengedarkan bantuan seperti kotak makanan kepada keluarga yang memerlukan.</li> </ul>
4.	U Mobile	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ U Mobile bekerjasama dengan Hanafundme, sebuah platform pendanaan awam, bagi membantu dalam inisiatif "Plight for Sabah Students".</li> <li>▪ Untuk inisiatif ini, U Mobile menjalinkan kerjasama dengan Huawei untuk menaja sebanyak 60 peranti mudah alih yang lengkap dengan pelan pascabayar GX68 untuk tempoh selama satu (1) tahun.</li> <li>▪ Penerima yang akan mendapat tajaan ini adalah guru-guru dan para pelajar di kawasan yang kurang liputan di pedalaman di Penampang, Ulu Papar dan Tamparuli.</li> <li>▪ Mereka akan dapat menggunakan peranti-peranti yang ditaja dan kesalinghubungan untuk tujuan pendidikan.</li> </ul>
5.	TM	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kumpulan TM pula telah menyumbang lebih RM5.6 juta untuk usaha-usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) semasa penularan pandemik COVID-19.</li> <li>▪ TM telah menyumbang sebanyak RM2 juta berupa <i>TM Family Care Packages</i> yang diagihkan kepada mereka yang</li> </ul>

		<p>memerlukan di seluruh negara dengan sebahagian daripada bantuan kewangan merangkumi sumbangan zakat TM bernilai RM1 juta.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Keseluruhan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) telah menyumbang sebanyak RM95.4 juta kepada <i>GLC Disaster Relief Fund Network</i> (GDRN) di bawah bantuan COVID-19 untuk bekalan perubatan serta bantuan kemanusiaan bukan perubatan. Ini meliputi syarikat-syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Digi, TIME, TM dan U Mobile.</li> </ul>
6.	TIME	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ TIME dotCom telah menyumbang dana kepada GLC Disaster Relief Fund Network (GDRN) bagi membeli bekalan perubatan, kelengkapan perlindungan diri (PPE) dan ventilator bagi membantu inisiatif memerangi pandemik COVID-19.</li> <li>▪ Akan terus bekerjasama dengan GDRN jika ada keperluan.</li> </ul>
7.	YES	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemberian percuma kad SIM oleh penyedia perkhidmatan YES sebanyak 40GB data kepada semua ibu bapa dan pelajar di sekolah kerajaan, pelajar dan ahli fakulti institusi pengajian tinggi bagi menikmati inisiatif 'Learn from Home.'</li> </ul>

Senarai bantuan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi

Pihak MCMC dan syarikat-syarikat telekomunikasi berharap para pengguna di seluruh negara termasuk para penduduk di Sabah akan memanfaatkan inisiatif-inisiatif yang telah ditawarkan ini untuk urusan seharian mereka. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung inisiatif-inisiatif

berkenaan boleh diajukan kepada syarikat penyedia perkhidmatan masing-masing.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



SKMM\_MCMC



SKMM\_MCMC



MCMCTV